JPK/09/PLV(I-031-3/4/5)

PANDUAN DAN PERATURAN-PERATURAN PENTAULIAHAN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA 2009

PANDUAN PERLAKSANAAN PROGRAM PENGAJAR LATIHAN VOKASIONAL (I-031-3/4/5)

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA,
MALAYSIA.

24 NOVEMBER 2009

PANDUAN PERLAKSANAAN PROGRAM PENGAJAR LATIHAN VOKASIONAL

(I-031-3/4/5)

KANDUNGAN

1. PENDAHULUAN ……... 2

2. KRITERIA DAN PERLANTIKAN PERSONEL PENTAULIAHAN PPB, PPD, PEGAWAI PENILAI PROGRAM PENGAJAR LATIHAN VOKASIONAL.

Perlantikan PPB …… 2

Perlantikan PPD …… 2

Kelayakan Pegawai Penilai Program Pengajar Latihan Vokasional 3

Perlantikan Pegawai Penilai Program Pengajar Latihan Vokasional 3

3. KELAYAKAN CALON 4

4. KAEDAH PERMOHONAN PENTAULIAHAN 4

5. PERATURAN-PERATURAN PERLAKSANAAN PROGRAM 5

Premis Latihan 5

Tempoh Latihan 5

Pembatalan Pentauliahan 5

Latihan *Internship* 5

Lawatan Pegawai Pengesah Luaran (PPL-PLV) 6

Permohonan Persijilan 6

6. TARIKH KUATKUASA 7

1. PENDAHULUAN

1.1 Panduan dan Peraturan-Peraturan Pentauliahan ini adalah bertujuan untuk menetapkan keperluan berkaitan dengan permohonan dan perlaksanaan pentauliahan bagi Program Pengajar Latihan Vokasional (I-031-3/4/5) di bawah sistem Persijilan Kemahiran Malaysia.

1.2 Panduan ini perlulah dibaca bersama **PANDUAN DAN PERATURAN-PERATURAN PENTAULIAHAN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA 2005**; *MLVK/T/1001(P4)* dan **PANDUAN DAN PERATURAN-PERATURAN PENTAULIAHAN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA 2007;** *JPK/07/ Sistem Penilaian (P4).*

2. KRITERIA DAN PERLANTIKAN PERSONEL PENTAULIAHAN PPB, PPD, PEGAWAI PENILAI PROGRAM PENGAJAR LATIHAN VOKASIONAL

2.1 Sesebuah penyedia latihan kemahiran yang memohon pentauliahan dikehendaki melantik personel-personel pentauliahan yang berketrampilan mengikut keperluan-keperluan berikut:-

(a) bagi setiap program seorang PP dan seorang PPD perlu dilantik;

(b) bagi **KELOMPOK KEMAHIRAN** yang sama, sekurang-kurangnya seorang PPD perlu dilantik bagi kelompok berkenaan dan seorang PP bagi **setiap program** berkenaan; dan

(c) seorang PPB hendaklah dilantik bagi bertanggangjawab memastikan Jaminan Kualiti Pentauliahan Persijilan di Pusat Bertauliah berkenaan.

Kriteria Pengurus Pusat Bertauliah (PPB)

2.2 Seseorang yang dilantik sebagai PPB perlulah memiliki kriteria-kriteria kelayakan seperti berikut:-

(a) Ketua kepada organisasi atau pegawai yang diberi tanggungjawab untuk mentadbir organisasi berkenaan; dan

(b) Lulus Penilaian Jaminan Kualiti Pentauliahan Persijilan melalui Kursus Induksi Pentauliahan atau apa-apa cara yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah JPK.

Kriteria Pegawai Pengesah Dalaman (PPD)

2.3 Seseorang yang dilantik sebagai PPD perlulah memiliki kriteria-kriteria kelayakan seperti berikut:-

(a) Lulus Penilaian Jaminan Kualiti Pentauliahan Persijilan melalui Kursus Induksi Pentauliahan atau apa-apa cara yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah JPK;

(b) Bertaraf penyelia kepada pegawai penilai yang dilantik;

(c) Berpengetahuan tentang Metodologi latihan dan program Pengajar Vokasional bagi tahap yang dipertanggungjawabkan; dan

(d) Pengalaman bekerja dalam bidang yang berkaitan sekurang-kurangnya 2 tahun sebagai Pegawai Penilai Pengajar Latihan Vokasional (I-031-3)

Kelayakan Pegawai Penilai Program Pengajar Latihan Vokasional

2.4 Sesebuah penyedia latihan kemahiran yang memohon pentauliahan program pengajar latihan vokasional dikehendaki melantik Pegawai Penilai yang berkelayakan dan berketrampilan mengikut keperluan-keperluan berikut:-

(a) Keperluan Utama:

i. Telah menghadiri Kursus Induksi PP dan PPD anjuran JPK; DAN

ii. Telah berdaftar dengan JPK sebagai Pengajar Latihan Vokasional (I-031-3/4/5)

(b) Keperluan Mengikut Tahap yang Dinilai:

i. Tahap 3

1. memiliki SKM Tahap 3 Pengajar Vokasional (I-031-3) dengan mempunyai **lima (5) tahun** pengalaman mengajar latihan kemahiran; ATAU
2. mempunyai kelayakan minima Diploma Pengajar Vokasional Kebangsaan dari CIAST (NITP) dengan pengalaman mengajar sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun**; ATAU
3. mempunyai kelayakan minima peringkat Sijil Teknik Mengajar (dari CIAST atau Maktab Perguruan Teknik) dengan pengalaman mengajar sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun**; ATAU
4. mempunyai pengalaman mengajar Program Pengajar Vokasional/Teknik Mengajar Vokasional peringkat sijil dalam bidang teknikal atau vokasional sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun (perlu mendapat pengiktirafan khas daripada Ketua Pengarah JPK)

ii. Tahap 4

1. memiliki Diploma Lanjutan Pengurus Latihan Vokasional –VTM (I-031-5); ATAU
2. memiliki Diploma Eksekutif Latihan Vokasional - VTE (I-031-4) dan dua (2) tahun pengalaman mengajar latihan kemahiran; ATAU
3. memiliki sijil Pegawai Latihan Vokasional - VTO (I-031-3) dan tujuh (7) tahun pengalaman mengajar latihan kemahiran.

iii. Tahap 5

1. memiliki Diploma Lanjutan VTM (I-031-5) dan dua (2) tahun pengalaman mengajar latihan kemahiran.

Perlantikan Pegawai Penilai

2.5 Perlantikan Pegawai Penilai hendaklah dibuat dengan mematuhi keperluan-keperluan berikut:-

(a) setiap Pusat Bertauliah hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya seorang Pegawai Penilai yang dilantik secara tetap.

(b) didaftar sebagai Pengajar Bertauliah bagi Program Pengajar Vokasional I-031-3/4/5 oleh JPK.

(c) Pegawai Penilai yang dilantik secara tetap hendaklah hanya berdaftar di satu (1) Pusat Bertauliah sahaja.

3. KELAYAKAN CALON

3.1 Rujuk NOSS I-031-3, Standard Practice Perkara *5* ***"The pre requisite for the enrolment of the program is as follows"*;**

(a) I-031-3

SPM/SPMV
Pass English Language, Bahasa Melayu and Mathematics
SKM 2 in relevant NOSS

(b) I-031-4

SKM 3 of Vocational Training Officer (I-031-3) and 2 years of working experience in related field

(c) I-031-5

DKM of Vocational Training Executive and additional
1 year of working experience in related field

4. KAEDAH PERMOHONAN PENTAULIAHAN

4.1 Kaedah permohonan pentauliahan Pusat Bertauliah adalah seperti yang dinyatakan seperti berikut:-.

4.1.1 Permohonan pentauliahan dari mana-mana penyedia latihan kemahiran bagi sesuatu program hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah JPK dengan:-

(a) menghantar permohonan secara atas talian (online) di dalam sistem e-JPK.

(b) menyertakan apa-apa dokumen dan maklumat bagi maksud memutuskan permohonan itu; dan

(c) menyertakan bayaran fee yang ditetapkan menggunakan Bank Draft/ Wang Pos/ Pesanan Tempatan atas nama Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran.

4.1.2 Ketua Pengarah JPK boleh meminta dokumen dan maklumat tambahan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

4.1.3 Jika dokumen dan maklumat tambahan yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah JPK dibawah perenggan 4.1.2 di atas tidak dikemukakan oleh penyedia latihan kemahiran dalam tempoh yang ditetapkan, permohonan itu akan dianggap **ditarik balik** oleh pemohon dan tidak boleh diteruskan.

4.1.4 Ketua Pengarah JPK berhak **menolak** mana-mana permohonan yang tidak dikemukakan dengan **lengkap**.

5. PERATURAN-PERATURAN PERLAKSANAAN PROGRAM

Premis Latihan

5.1 Sesebuah Pusat Bertauliah yang telah diluluskan bagi menjalankan program Pengajar Latihan Vokasional (I-031-3/4/5) berkenaan hendaklah:-

5.1.1 mengendalikan latihan bagi program berkenaan di premis yang dinyatakan dalam Sijil Akuan Pentauliahan sahaja.

5.1.2 Memaklumkan secara bertulis kepada Ketua Pengarah JPK sebarang:-

(i) pengurangan dari segi kemudahan/peralatan yang digunakan untuk latihan;

(ii) perubahan terhadap personel pentauliahan yang terdiri daripada PPB, PPD dan PP;

(iii) hasrat untuk perpindahan premis latihan, dan hanya berbuat demikian setelah mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah JPK; atau

(iv) struktur yuran baru yang dikenakan

5.1.3 mengemukakan **secara bertulis** kepada JPK sekiranya Pusat berhasrat mengendalikan program tersebut **di luar daripada tempat yang diluluskan** dengan mengemukakan maklumat-maklumat berikut:

a) tarikh mula kursus;
b) tempat kursus
c) maklumat calon;
d) jadual waktu kursus; dan
e) maklumbalas daripada calon setelah tamat kursus.

Tempoh Latihan

5.2 Jumlah masa latihan bagi SETIAP tahap bagi program Pengajar Latihan Vokasional (I-031-3/4/5) ini adalah 360 jam, tidak melebihi 6 jam sehari, **sekurang-kurangnya** tiga (3) bulan, **tetapi tidak lebih daripada dua belas** (12) bulan bermula dari tarikh pendaftaran DAN latihan internship selama 6 bulan berterusan.

Pembatalan Pentauliahan

5.3 Pusat Bertauliah bertanggungjawab memastikan semua syarat-syarat di dalam Panduan ini dipatuhi. Sekiranya pusat bertauliah gagal mematuhi syarat yang telah ditetapkan, Ketua Pengarah JPK boleh, pada bila-bila masa, membatalkan perakuan pentauliahan yang diberikan kepada mana-mana Pusat Bertauliah berkenaan.

Latihan *Internship*

5.4 **Pusat Bertauliah hendaklah memastikan bahawa:-**

5.4.1 latihan *internship* hanya boleh dijalankan setelah calon selesai menjalani tempoh latihan 360 jam **dan setelah portfolio disahkan oleh PPL-PLV**.

5.4.2 latihan *internship* hendaklah dibuat di mana-mana Pusat Bertauliah JPK dan Pegawai Penilai Program Pengajar Latihan Vokasional dikehendaki memerhati dan menilai calon semasa latihan *internship* tersebut dibuat di pusat berkenaan sekurang-kurangnya **dua kali (2)** lawatan untuk setiap calon.

5.4.3 calon yang menjalani latihan *internship* dikehendaki menggunakan "*internship manual*' yang telah disediakan oleh JPK.

5.4.4 (a) Bagi Tahap 3, calon dikehendaki mengajar sekurang-kurangnya **300 jam** *(contact hours)* semasa *internship*, dan menyediakan bahan-bahan pengajaran dengan bilangan minimum seperti berikut:-

Bahan Pembelajaran	TEORI	AMALI
Pelan Mengajar	15	15
Kertas Penerangan	15	
Kertas Tugasan	15	
Kertas Kerja		15
Alat Bantuan Mengajar (ABM)	5 pembelajaran	5 pembelajaran
Kertas Penilaian Teori	5 sesi pembelajaran	
Kertas Penilaian Amali		5 sesi pembelajaran

(b) Bagi Tahap 4, calon dikehendaki mengajar sekurang-kurangnya **200 jam** *(contact hours)* semasa *internship*, dan mereka dikehendaki menyiapkan projek akhir berkaitan methodologi latihan dan dibentangkan sewaktu lawatan PPL-PLV kali ke-2.

(c) Bagi Tahap 5, calon dikehendaki mengajar sekurang-kurangnya **100 jam** (contact hours) semasa internship, dan dikehendaki menyiapkan dua (2) projek akhir berkaitan methodologi latihan dan berkaitan kemahiran teknikal (setiap satu) serta dibentangkan sewaktu lawatan PPL-PLV kali ke-2.

5.4.5 bahan-bahan pembelajaran, alat-alat bantuan mengajar dan peralatan latihan yang diperlukan diperiksa dan segala kelemahan yang terdapat pada calon hendaklah ditegur oleh Pegawai Penilai berkenaan.

5.4.6 bahan-bahan pembelajaran seperti di para 5.4.4 dan skima ***Penilaian Teknik Mengajar*** hendaklah disimpan didalam porfolio calon sebagai bukti ketrampilan calon.

5.4.7 Penilaian dan pemarkahan projek dilaksanakan seperti Perkara 4.5 dalam Panduan Perlaksanaan Sistem Penilaian (JPK/07/SISTEM PENILAIAN (P4))

<u>Lawatan Pegawai Pengesah Luaran (PPL-PLV)</u>

5.5 Lawatan PPL-PLV akan dilaksanakan secara berjadual sekurang-kurangnya **dua kali (2)** sepanjang tempoh latihan dan semasa latihan *internship.*

Permohonan Persijilan

5.6 Sijil Kemahiran Malaysia bagi Program Pengajar Latihan Vokasional (I-031-3/4/5) hanya akan dikeluarkan setelah calon melengkapkan latihan 360 jam **DAN** 6 bulan *internship* serta lulus pembentangan projek akhir (bagi Tahap 4 dan Tahap 5 sahaja) dan portfolio disahkan oleh PPL.

5.7 Permohonan Persijilan bagi setiap calon yang mengikuti Program Pengajar latihan Vokasional (I-031-3/4/5) hendaklah dibuat dengan bayaran sebanyak RM 100.00.

6. TARIKH KUATKUASA

Peraturan ini adalah berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dalam aktiviti Persijilan Kemahiran Malaysia. Panduan Perlaksanaan Program Pegawai Latihan Vokasional (I-031-3) (MLVK/T/1001(P4)[I-031-3(P2)] adalah terbatal.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

KETUA PENGARAH
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA.

24 NOVEMBER 2009